

## PELAN BALI: PENCAPAIAN UTAMA PERSIDANGAN PERUBAHAN IKLIM (CLIMATE CHANGE) PBB

### Menarik Di Dalam



Mesyuarat Majlis Tanah  
Negara (MTN) ke-63

Hal. 3



Majlis Sambutan  
Hari Raya NRE

Hal. 10



Perlantikan Rakan Park  
Pulau Tioman

Hal. 12



Rekod Dunia: Tapir Kembar

Hal. 12



Alam Sekitar, Ekonomi diberi  
tumpuan seimbang

Hal. 16



Persidangan Perubahan Iklim (*Climate Change*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah diadakan di Bali, Indonesia dan berlangsung selama 12 hari (3-14 Disember 2007). Persidangan ini merupakan sesi peringkat tertinggi kepada *United Nations Framework Convention On Climate Change* (UNFCCC) dan *Kyoto Protocol* (KP).

Persidangan tersebut, melibatkan 192 buah negara peserta (COP13 UNFCCC) dan 176 buah negara peserta (CMP3 KP). Dianggarkan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 11,000 orang.

Pelan Bali yang dicapai pada persidangan tersebut dianggap sebagai suatu pencapaian utama yang menyaksikan semua pihak bersetuju menyumbang kepada usaha menyiapkan perjanjian komprehensif yang perlu dipatuhi oleh semua negara selepas 2012. Perjanjian ini merangkumi aspek mitigasi, adaptasi, pemindahan teknologi dan bantuan kewangan.

Y.B. Dato' Seri Azmi Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), di dalam ucapannya di sesi peringkat tertinggi pada 13 Disember 2007, telah menekankan betapa pentingnya kaitan di antara kemiskinan dengan pembersihan hutan (*deforestation*) dalam usaha menangani isu pemanasan global. Beliau turut menghuraikan kejayaan mengurangkan jurang kemiskinan daripada lebih 50% pada tahun 1970 kepada 5.5% pada masa kini. Tambahan pula, menurut beliau Malaysia dipuji kerana berupaya mengekalkan hampir 60% kawasan hutannya.

dari **MEJA**  
**K S U**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum dan  
Salam Sejahtera



ALHAMDULILLAH, segala pujian bagi Allah SWT, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana Kementerian ini telah berjaya melalui tahun 2007 dengan cemerlang, hasil kerjasama dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua warga Kementerian ini.

Seperti semua sedia maklum, tahun 2007 merupakan tahun kedua bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan sebarang projek dan aktiviti pembangunan negara yang dilaksanakan adalah berdasarkan konsep pembangunan secara mampan. Kementerian ini juga turut memainkan peranan penting dalam memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara di arena antarabangsa, khasnya bagi isu-isu berkaitan pemeliharaan biodiversiti dan alam sekitar termasuk fenomena perubahan iklim dunia dan sebagainya. Semua ini adalah cabaran dan dugaan yang perlu ditempuhi oleh Kementerian sepanjang tahun 2007.

Di sebalik cabaran dan dugaan yang dihadapi tersebut, kita boleh berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Kementerian ini. Suka saya memaklumkan bahawa NRE telah diberi tahap 4 bintang dalam sistem 'star rating' yang dikeluarkan oleh MAMPU untuk tahun 2007. Sistem 'star rating' ini merupakan satu kaedah menggrekkan tahap prestasi kecemerlangan agensi-agensi Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. 7 kriteria yang dinilai dalam penentuan 'star rating' ini adalah kepimpinan dan pengurusan organisasi; pengurusan sumber manusia; kewangan; projek; laman web; perkhidmatan pelanggan dan dasar ICT.

Daripada 7 kriteria ini, NRE mencatat markah yang baik dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, pengurusan projek dan dasar ICT. Walau bagaimanapun, banyak yang masih perlu diperbaiki dalam aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi, perkhidmatan pelanggan serta pengurusan laman web. Secara keseluruhannya, NRE berada di tangga ke sebelas daripada 28 buah Kementerian dan rating 4 bintang diberikan kepada NRE merupakan jumlah bintang tertinggi yang diberikan oleh MAMPU. Pencapaian ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan apatah lagi NRE merupakan sebuah Kementerian yang baru 3 tahun ditubuhkan.

Namun, itu tidak bermakna kita sudah boleh berpuas hati dan berhenti setakat di sini sahaja. Masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dalam memastikan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terus cemerlang. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga NRE

agar sama-sama berusaha dan bekerja dengan penuh komited, ikhlas dan dedikasi ke arah meningkatkan lagi pencapaian bagi tahun 2008. Suka saya mengingatkan bahawa kita semua adalah pemangkin kepada pencapaian visi, misi dan objektif Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2008. Semoga tahun baru ini memberi semangat baru kepada semua warga NRE untuk sama-sama mendukung hasrat Kerajaan dalam usaha untuk menjadikan perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang profesional, cekap dan berkesan.

Sekian, wassalam.

**DATUK SUBOH BIN MOHD YASSIN**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

### SIDANG PENGARANG

#### Penaung

Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

#### Sidang Redaksi

Dr. Amerjit Singh A/L S. Bhag Singh (KUPA)  
En. Sait bin Haji Yaman (UPA)  
Cik Nor Azean bt Hasan (UPA)  
Cik Mazita binti Yaakob (UPA)  
Cik Syamsuria Abd. Latip (BTUP)  
En. Abdullah b. Daud (PNK)  
En. Shahril Faizal b. Abdul Jani (KAS)

#### Jurufoto

En. Mohd Azhar Mokhtar  
En. Mohamad Haidhir Hamzah

Pihak Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan/artikel/komen dari seluruh warga NRE. Sila majukan kepada:

#### Buletin NRE

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Aras 15, No. 25 Persiaran Perdana  
Wisma Sumber Asli Presint 4, 62574 Putrajaya.  
e-mel : [norazean@nre.gov.my](mailto:norazean@nre.gov.my)  
Tel.: 03-8886 1586 Faks: 03-8889 4763

#### Rekabentuk

Seksyen Percetakan Peta (JUPEM)

#### Cetakan oleh

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Jalan Semarak, 50578 Kuala Lumpur.

## MESYUARAT APEC DI SYDNEY, AUSTRALIA

- \* Diadakan pada 4 hingga 9 September 2007 di Sydney, Australia.
- \* Malaysia diwakili oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Wisma Putra, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.
- \* Mencapai persetujuan menerima isu perisytiharan mengenai *Climate Change*, *Energy Security* dan *Clean Development*.
- \* Menetapkan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh 21 negara APEC bagi menangani isu perubahan iklim.
- \* Diantara lain, mesyuarat penting ini membincangkan langkah-langkah mengenai barang-barang dan perkhidmatan alam sekitar, pengangkutan udara, keselamatan tenaga, perlindungan sumber marin, kapasiti analisa dasar dan pendekatan *co-benefit*.
- \* Kejayaan besar yang dicapai oleh Malaysia dan negara membangun dalam mesyuarat tersebut adalah berhubung dengan kemasukan dalam teks perisytiharan mengenai kepentingan *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* sebagai forum utama untuk membincangkan isu-isu berhubung dengan perubahan iklim.

## MAJLIS TANAH NEGARA

Pada 20 November 2007, berlangsungnya Mesyuarat ke-63 Majlis Tanah Negara di Dewan Persidangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Isu-isu yang telah dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut termasuklah mengenai pentadbiran dan pengurusan tanah negara dan penyelarasan dasar-dasar tanah ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Terdapat 7 kertas yang dibentangkan seperti berikut :

- 1) Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007
- 2) Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2007;
- 3) Minit Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-20;
- 4) Minit Mesyuarat Majlis Mineral Negara Ke-5;
- 5) Penguatkuasaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2007, Akta A 1290 Pada 12 April 2007;
- 6) Status Perlaksanaan Projek Perintis Sistem e-Tanah di Pulau Pinang dan Peluasan ke Seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- 7) Status Terkini Prestasi Pasukan Petugas Khas (*Flying Squad*).

Majlis telah bersetuju dengan pindaan-pindaan Akta yang telah dibentangkan. Majlis juga berpuas hati dengan status penyelesaian tunggakan tanah dan menekankan agar tumpuan lebih diberikan terhadap penyelesaian tunggakan pembermilikan tanah.



Sesi sidang akhbar setelah selesai Mesyuarat MTN ke-63



Y.B. Dato' Najib Tun Razak mempengerusikan mesyuarat MTN ke-63, di sebelah kanan beliau ialah Timb. Menteri NRE manakala di sebelah kiri ialah Ketua Setiausaha NRE

### RALAT

Dimaklumkan bahawa 'Mesyuarat ke-62 Majlis Tanah Negara' yang tertulis di dalam buletin bil 1/2007 (m/s:5) sepatutnya digantikan dengan 'Mesyuarat Majlis Mineral Negara Ke-5'. Kesilapan dalam isu buletin bil. 1/2007 amat dikesali.

### Renungan Sejenak

*After climbing the great hill, one only finds that there are many more hills to climb...*

- Nelson Mandela

## PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA KETUA SETIAUSAHA: TINGKATKAN PRESTASI, KEKALKAN KEJAYAAN



Bertempat di Dewan Baiduri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), pada 23 November 2007, berlangsungnya majlis Perhimpunan Bulanan bagi warga NRE, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan juga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Perhimpunan Bersama Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin ini amat bermakna dengan amanat yang disampaikan kepada semua warga NRE.

Mengikut star rating yang diterima dari pihak MAMPU pula, NRE telah mencapai empat bintang dan ia merupakan permulaan kepada warga NRE untuk lebih bersungguh-sungguh dalam mencapai kedudukan yang lebih baik di masa akan datang. Apa yang lebih penting juga bukanlah sekadar pengiktirafan tetapi juga kejayaan meningkatkan lagi kecemerlangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Majlis Perhimpunan Bulanan tersebut telah memberikan banyak manfaat kepada seluruh warga NRE dan agensi/jabatan dibawahnya. Adalah diharapkan amanat yang disampaikan dapat membawa perubahan ke arah yang lebih baik terutamanya dari segi mutu kerja dan tahap prestasi di kalangan semua warga berkenaan.

## TAHNIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH KEBESARAN

Seluruh Warga NRE mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada

**Datuk Fatimah Raya binti Nasron** (Timbalan Ketua Setiausaha 1)

atas penganugerahan

**Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM)** membawa gelaran “**Datuk**”  
oleh T.Y.T. Melaka Sempena Hari Jadi T.Y.T. Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakub ke-69  
Pada **13 Oktober 2007** dan

**Anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)** membawa gelaran “**Dato**”  
oleh Sultan Pahang Sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang ke-77  
Pada **24 Oktober, 2007**

Tahniah juga diucapkan kepada

**Y.Bhg. Dato’ Ir. Ong Siew Heng** (Pengarah, Bahagian Pengurusan Projek)  
Jabatan Pengaliran dan Saliran (Ibu Pejabat)

**Y. Bhg. Datuk Hasan Mat** (Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Pahang)

**Y.Bhg. Datuk Che Hashim bin Hassan** (Pengarah, Jabatan Perhutanan Pahang)

atas penganugerahan

**Anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)** membawa gelaran “**Dato**”  
oleh Sultan Pahang Sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang ke-77  
Pada **24 Oktober, 2007**

## SELAMAT DATANG

### TKSU II KEMENTERIAN

Y. Bhg. Dato' Hj. Azmi bin Che Mat dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha II (TKSU II) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 26 September 2007. Perlantikan beliau dalam Gred JUSA B, adalah menggantikan Y. Bhg. Hj. Mohd Ibrahim bin Hj. Abu Bakar yang bersara pada tarikh yang sama.

Beliau dilantik ke jawatan Pegawai Tadbir & Diplomatik di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Pertanian Malaysia pada 1 November 1978. Pada 16 Ogos 1982, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Penolong Setiausaha (Pemasaran dan Infrastruktur), Bahagian Perancangan dan Dasar di kementerian yang sama.

Pada 16 Februari 2005, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Pusat Sains Negara dan seterusnya bertukar ke NRE. Warga NRE mengalu-alukan kedatangan Y.Bhg Dato' Hj. Azmi bin Che Mat.



Y. Bhg. Dato' Hj. Azmi bin Che Mat

## JASAMU DI KENANG

Y. Bhg. Haji Mohd. Ibrahim Haji Abu Bakar memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada 2 September 1975 sebagai Penolong Pegawai Daerah II Pejabat Daerah Temerloh, Pahang.

Pada April 1977 beliau bertukar ke Bahagian Perancangan Ekonomi UPE, JPM sebelum dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah, Perkhidmatan Bantuan Teknik Malaysia, JPM pada 16 Mac 1982.

Pada 16 Julai 1996, beliau dilantik sebagai Pengarah, Bahagian Pentadbiran & Urus Setia, MAMPU, JPM. Beliau turut memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (PTD JUSA C) pada 12 April 2004.

Perlantikan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (PTD JUSA B) pada 28 Disember 2005 merupakan jawatan terakhir yang disandang oleh beliau sebelum bersara secara rasmi pada 26 September 2007.

Warga NRE merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan selamat maju jaya kepada Y.Bhg. Haji Mohd. Ibrahim Haji Abu Bakar.



Y. Bhg. Hj. Mohd Ibrahim Hj. Abu Bakar

## “CONFERENCE & TRAINING OF TRAINERS (TOT) ON LEGISLATION AND INSTITUTION ARRANGEMENTS IN IWRM”



Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah mengadakan “*Conference and Training of Trainers (TOT) on Legislation and Institution Arrangements in IWRM*” pada 9 hingga 13 Julai 2007. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Seri

Azmi bin Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di Securities Commission, Bukit Kiara Kuala Lumpur. Program ini disusuli dengan 3 hari ‘Training of Trainers’ di Bilik Gerakan NAHRIM untuk membincangkan isu-isu berkaitan tasik dan empangan dengan lebih menyeluruh. TOT ini dikhususkan kepada kumpulan pakar penggubal polisi dari rantau Asia Tenggara.

Persidangan ini dihadiri oleh 120 orang yang antaranya terdiri daripada peguam, penyelidik, pencinta alam sekitar daripada sektor awam dan swasta, badan NGO dan badan-badan kerajaan. TOT pula dihadiri oleh 30 wakil dalam Rantau Asia Tenggara iaitu dari Indonesia, Cambodia, Thailand, Myanmar, Vietnam, Singapore, Laos, Filipina dan Malaysia.

Objektif program-program ini adalah untuk menyokong Pengurusan Sumber Air Secara Bersepadu (IWRM) bagi memastikan pengurusan air secara bersama, menyeluruh dan bersepadu tentang isu-isu berkaitan air dan sumber air dapat dijalankan supaya ia terus terpelihara walaupun negara mengalami pembangunan yang pesat.



Y. B. Dato' Seri Azmi Khalid, Menteri NRE bersama Y. Bhg. Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha NRE sedang memberikan penerangan kepada para wartawan semasa sidang akhbar.

## “COLLOQUIUM ON LAKES & RESERVOIR MANAGEMENT : STATUS AND ISSUES”

Pada 2 hingga 3 Ogos 2007, Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merasmikan “*Colloquium On Lakes & Reservoir Management : Status And Issues*” yang bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli (NRE) di Putrajaya.



Colloquium ini disertai oleh 3 pakar antarabangsa iaitu Profesor Dr. Masahisa Nakamura dari *International Lake Environment Committee (ILEC)*, Profesor Dr. Maciej Zalewski iaitu Pengarah *European Regional Centre for Ecohydrology*, Poland dan Profesor Dr. Eduardo Mario Mendiondo dari *University of Sao Paolo*. Selain itu, penyertaan turut diperolehi daripada pejabat-pejabat kerajaan, pihak pengurusan tasik, badan-badan NGO, CBO dan para penyelidik - para penyelidik. Sepanjang colloquium ini berlangsung, sebanyak 13 kertas kerja tentang isu-isu tasik dan empangan telah dibentangkan.

Objektif colloquium ini diadakan adalah untuk :

- \* Mewujudkan kesedaran ke atas status dan isu tasik dan empangan di Malaysia berikutan daripada pembangunan yang pesat di persekitarannya.
- \* Berkongsi hasil penyelidikan daripada aktiviti kajian yang lepas dan semasa serta mengambil kira amalan pengurusan tasik semasa.
- \* Membangunkan kerangka kerja pengurusan tasik secara bersepadu di Malaysia dan meneruskan agenda penyelidikan yang berkaitan.

Satu sesi perbincangan mengenai ‘*Strategy for Lake Research in Malaysia*’ telah diadakan pada hari terakhir colloquium. Ianya dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Hj. Shahrizaila Abdullah dan seramai 30 orang telah menghadirinya. Perbincangan yang tamat pada jam 5.30 petang ini lebih menyentuh tentang keadaan dan kualiti tasik di Malaysia serta cara pengurusannya.

## BENGKEL PENILAIAN RISIKO BERKAITAN ORGANISMA PERINGKAT ASEAN



Pada 4-6 Disember 2007 telah berlangsung Bengkel Penilaian Risiko Berkaitan Organisma Yang Diubahsuai Secara Genetik. Bengkel peringkat ASEAN ini diadakan di Corus Hotel, Kuala Lumpur dengan kerjasama Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar (KAS) dan Umweltbundesamt - *Federal Environment Agency, Austria*. Antara yang turut sama menjayakan bengkel ini ialah *ASEAN Centre for Biodiversity (ACB)*, *The Third World Network (TWN)*, *The United Nations Development Programme (UNDP)* dan *Global Environment Facility Project (GEF)*.

## PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN ANTARA KEMENTERIAN 2007

NRE telah mengambil bahagian dalam pertandingan berbalas pantun antara kementerian-kementerian pada 29 Oktober hingga 1 November 2007. Bertempat di Menara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pertandingan yang bertemakan "Pantun Penghubung Silaturrahim" menyaksikan peserta berentap bagi merebut Piala Pusingan YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim. Program ini merupakan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, KEKKWA dengan kerjasama Klasik Nasional (RTM) sebagai penyiar rasmi.



Wakil pemantun NRE terdiri daripada wakil JUPEM, INSTUN dan PSM



Bersaing sengit dengan Pasukan pemantun daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)



# BULETIN NRE

KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR



## KLIK-KLIK NRE 07



**3 Ogos 2007**

APEC Ambassador Australia Mr. David Spenser ke NRE  
di temani oleh H.E Penny William High Commissioner of Australia  
Bilik Perbincangan Menteri



**25 Ogos 2007**

Annual Friendly Games MNRE-Mewr  
Forest Research Institute Malaysia (FRIM)



**14 September 2007**

Persaraan Timbalan Ketua Setiausaha II  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Tuan Haji Mohd. Ibrahim bin Abu Bakar





# BULETIN NRE

KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR



## Gambar Aktiviti NRE Sepanjang Ogos-Disember 2007

**18 September 2007**

Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara (MPN) ke-21 Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri



**13 November 2007**

Program Jom Sihat NRE Dewan Baiduri, NRE

**19-20 November 2007**

Majlis Seminar Kesedaran Pengguna Rangkaian Luas NRE\*NET Dewan Baiduri NRE Putrajaya



**4 October 2007**

Majlis Berbuka Puasa Bersama Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

**30 November 2007**

Hari Anugerah FRIM 2007 Matrade Kuala Lumpur





## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI BERSAMA Y.B. MENTERI

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama YB Menteri Dato' Seri Azmi Khalid telah diadakan pada 2 November 2007 lalu di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Majlis tersebut dimeriahkan dengan pelbagai acara termasuk penyampaian sumbangan untuk tabung "Bersamamu" kepada wakil TV3, pertandingan karaoke dan pertandingan gerai tercantik.



## MAJLIS PERSARAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN NRE

Pada 29 November 2007 lalu bertempat di Hotel Meridien Kuala Lumpur berlangsungnya Majlis Makan Malam Sempena Meraikan Persaraan Pegawai dan Kakitangan NRE. Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.B. Dato' Seri Azmi Khalid dan pegawai-pegawai utama yang lain.





### PROGRAM PENERAPAN GENERASI BIODIVERSITI



Johan Pertandingan Persembahan Sketsa Flora & Fauna (Tema: Alam Sekitar Dahulu, Kini, Akan Datang) oleh peserta daripada Sekolah Menengah Bukit Damar, Lanchang

Pada 15 hb Ogos 2007, Program Penerapan Generasi Biodiversiti 2007 yang diadakan selama satu hari dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Bahaman, Lanchang, Pahang. Seramai 600 orang murid menghadiri program ini yang terdiri daripada 3 buah Sekolah Menengah di Lanchang iaitu S.M.K. Datok Bahaman, S.M.K. Lanchang dan S.M.K. Bukit Damar. Program ini mensasarkan kumpulan pelajar sekolah menengah, Jabatan Taman Laut dan Jabatan Perhilitan sendiri iaitu Institut Biodiversiti, Zoo Melaka serta Pusat Konservasi Gairi dirasmikan oleh bekas TKP 1 Jabatan Perhilitan, En. Jasmi Abdul, turut hadir bersama ialah Pengarah Institut Biodiversiti En. Fakhru Hata Musa, Pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Pahang, serta jabatan dan agensi yang terlibat.



Barisan jemputan VIP; Timbalan Ketua Pengarah I, Jabatan Perhilitan Pegawai Pelajaran Daerah Temerloh, Pengarah Institut Biodiversiti dan Pengetua S.M. Datok Bahaman



Bekas Timbalan Ketua Pengarah I Jabatan Perhilitan diiringi Pengarah IBD dan wakil Jabatan Pelajaran Pahang melawat ruang pameran



Barisan Urusetia dan Fasilitator yang terlibat dalam menjayakan Program Penerapan Generasi Biodiversiti 2007



Sambutan menggalakkan daripada 3 buah sekolah iaitu S.M.K. Datok Bahaman, S.M.K. Lanchang dan S.M.K. Bukit Damar



## PERLANTIKAN RAKAN PARK PULAU TIOMAN

Bertempat di Pusat Taman Laut Pulau Tioman pada 6 September 2007, Majlis Perasmian dan Perlantikan Rakan Park Pulau Tioman telah diadakan. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Taman Laut (JTL), Tn. Hj. Abd. Jamal Mydin dan disertai oleh Timbalan Pengarah, En. Abdul Rahim Gor Yaman; National Project Manager UNDP, En. Ramzi B. Abu dan kakitangan JTL yang lain.

Program Rakan Park ini menerima 25 orang peserta. Objektif Rakan Park adalah untuk melibatkan masyarakat tempatan bersama-sama dengan JTL dalam pengurusan bersepadu pulau-pulau Taman Laut khususnya Pulau Tioman. Selain itu, Rakan Park juga berfungsi sebagai mata dan telinga JTL, melaporkan aktiviti yang dilarang dan menyalahi undang-undang. Peserta Rakan Park akan diberikan latihan dan bengkel bagi memantapkan lagi pengetahuan mereka terhadap ekosistem marin dan peraturan-peraturan Taman Laut.



Pegawai dan Kakitangan JTL bersama peserta Rakan Park Pulau Tioman.



Penyerahan sijil dan cenderamata dari Pengarah Jabatan Laut, Tn. Hj. Abd. Jamal Mydin kepada wakil Rakan Park.

## REKOD DUNIA

## KEMBAR TAPIR PERTAMA DILAHIRKAN



Anak tapir kembar pertama di Malaysia dikenali sebagai Junior dan May

Satu rekod dunia telah tercipta apabila seekor Tapir dari spesies Tapir Malaya (*Tapirus Indicus*) telah melahirkan sepasang anak kembar di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL), Sungai Dusun, Selangor. Peristiwa yang menarik ialah kelahiran kembar ini selang selama 13 hari. Kembar tapir yang pertama telah dilahirkan pada 27 Mei 2007 dengan berat badan 10 kg, manakala kembar yang kedua pula pada 8 Jun 2007 seberat 9 kg. Keadaan kedua-dua kembar tersebut adalah sihat dan aktif.

Kelahiran tapir kembar pernah dilaporkan sebelum ini di Taman Zoologi Detroit, Amerika dari spesies tapir Amerika Selatan pada tahun 1970 dan 1988. Walau bagaimanapun, kedua-dua kembar tapir yang dilahirkan pada tahun 1970 mati sebaik sahaja dilahirkan manakala bagi kelahiran pada tahun 1988 hanya seekor kembar tapir yang hidup.

Tapir mempunyai 4 spesies iaitu Tapir Baird's (*Tapirus bairdii*), Tapir Tanah Rendah (*Tapirus terrestris*), Tapir Gunung (*Tapirus pinchaque*) dan Tapir Malaya (*Tapirus Indicus*).

## SAMBUTAN 75 TAHUN JPS DAN 50 TAHUN KEMERDEKAAN MALAYSIA

### MISI

Untuk memperkenalkan fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan kepada masyarakat secara lebih terperinci dan berkesan bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat selain menanam sikap cintakan negara.

### OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan berbentuk program atau kempen kemasyarakatan secara lebih umum dan terbuka bagi mempertingkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk memastikan masyarakat lebih memahami dan mengenali fungsi serta perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan di samping meningkatkan semangat patriotisma sempena kemerdekaan Malaysia yang ke-50 tahun.

### PENERANGAN LOGO SAMBUTAN 75 TAHUN JPS DAN 50 TAHUN KEMERDEKAAN MALAYSIA

Logo terdiri daripada kombinasi angka, bendera Malaysia, gelombang dan sekuntum bunga raya berwarna merah yang sedang berkembang, tiap-tiap elemen mengandungi warna yang berlainan dan membawa maksud-maksud tertentu. Perkataan 'Jabatan Pengairan dan Saliran 1932 - 2007' dalam bentuk gelombang diletakkan di bahagian bawah.

### ANGKA 75 DAN 50

Angka 75 menggambarkan sambutan 75 tahun JPS dengan warna utama logo Jabatan. Sumbangan selama 75 tahun Jabatan adalah untuk negara tercinta, Malaysia yang menyambut ulang tahun ke-50 (jubli emas). Maka angka 50 adalah gabungan lima (5) dan bendera Malaysia berbentuk sifar (0). Ini mencerminkan hubungan rapat dan sumbangan yang ketara Jabatan dalam pembangunan Malaysia yang menyambut ulang tahun ke-50.

### GELOMBANG

Gelombang menunjukkan Jabatan adalah dinamik, sentiasa relevan seiring dengan pembangunan negara. Warna hijau dan biru menunjukkan hubungan rapat antara alam sekitar dan sumber air.

### BUNGA RAYA

Bunga kebangsaan (*Hibiscus rosa-sinensis* / bunga raya) diletakkan di sebelah kanan. Struktur bunga terdiri daripada tiga kelopak/ranggi (petal) mengelilingi kolum stamina di tengah-tengah yang mengandungi lima karpel melalui style tunggal (*single style*). Bunga raya yang berkembang mencerminkan Jabatan sentiasa bersedia sedia dan komited untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan alam sejagat sejajar dengan seruan Perdana Menteri 'Cemerlang, Gemilang, Terbilang'.

### KELOPAK

Tiga helai kelopak bunga bererti nilai korporat Jabatan iaitu kualiti, integriti dan prihatin. Kelopak juga mencerminkan peranan utama Jabatan dalam pengurusan dan pembangunan sumber air untuk:

1. Perlindungan nyawa dan harta benda;
2. Aspek alam sekitar;
3. Air sebagai satu sumber yang lestari.

Warna merah melambangkan ketahanan dan semangat Jabatan dalam mengharungi cabaran globalisasi selama 75 tahun penubuhannya.

### KARPEL

Lima karpel dengan warna yang berlainan menunjukkan lima fungsi utama Jabatan, yakni pengairan, saluran, kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai dan hidrologi.

### KOLUM STAMINA

Kolum stamina terdiri daripada lima karpel. Ini menunjukkan semangat kerja berpasukan dalam Jabatan merupakan tunjang asas untuk menyumbang khidmat dan bakti untuk menjayakan peranan utama Jabatan.

### STYLE TUNGGAL

Style tunggal melambangkan kelima-lima fungsi utama Jabatan adalah berlandaskan tiga nilai korporat Jabatan. Gabungan tenaga dan sumber kepakaran dari Jabatan berasaskan fungsi utama Jabatan adalah untuk menuju ke arah tiga (3) peranan utama Jabatan dalam pengurusan dan pembangunan sumber air.



# BULETIN NRE

KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR



## PROGRAM LARIAN TEROWONG SMART SEMPENA SAMBUTAN 75 TAHUN JPS DAN KEMERDEKAAN 50 TAHUN MALAYSIA



Yang Berhormat Menteri NRE bersama Y. Bhg. Datin Seri selepas acara VIP walk



Pelepasan Acara VIP Walk



"Flag-off" oleh Yang Berhormat Menteri NRE bagi kategori Terbuka Lelaki



Sekitar Acara VIP Walk berlangsung



Penyampaian hadiah kepada pemenang bagi Kategori Terbuka Lelaki



Penyampaian hadiah kepada pemenang bagi Kategori Terbuka Wanita



## TAHUKAH ANDA...? Berapakah Usia Bumi?

Usia planet boleh ditentukan melalui beberapa kaedah. Salah satu kaedah adalah dengan menentukan usia batu tertua kerana bumi terdiri daripada batu. Batu tertua dikatakan berusia 3.8 bilion tahun. Ahli sains membuat kesimpulan bahawa usia Bumi adalah lebih daripada 3.8 bilion tahun kerana batu di permukaan Bumi dikitar semula daripada bahan yang lebih tua usianya. Kaedah lebih tepat untuk menentukan usia Bumi adalah dengan menggunakan penentuan tarikh radiometrik (pada sampel batu dan meteorit) yang menetapkan Bumi berusia 4.55 bilion tahun.



## TIP-TIP SEMASA 5 Kaedah Pengurusan Kewangan Terbaik

### 1. Berbelanja kurang dari pendapatan

Walau berapa pun jumlah gaji yang anda terima, anda dinasihatkan untuk tidak berbelanja melebihi pendapatan. Usaha agar anda lebih berjimat dan berhemah dalam berbelanja yang pastinya akan memberi impak besar kepada tabungan anda.

### 2. Buat perancangan dan patuhi bajet

Setiap dari kita mungkin pernah atau tahu membuat bajet perbelanjaan kewangan tapi ia tidak akan berjaya tanpa perancangan dan pematuhan. Dengan perancangan yang betul serta pematuhan anda akan mampu untuk berbelanja dan berjaya menyimpan dalam masa yang sama.

### 3. Menabung

Sebelum menyelesaikan segala bil, pastikan anda menyimpan sekurang-kurangnya 5% - 10% daripada gaji. Lebih baik jika anda membuat potongan secara automatik untuk disimpan dalam akaun lain.

### 4. Melabur

Sekiranya masih ada baki wang selepas membuat tabungan, menyelesaikan bil, perbelanjaan dan sebagainya, anda dinasihatkan untuk membuat pelaburan untuk kesan jangka panjang yang baik dalam pengurusan kewangan anda.

### 5. Kemaskini Wasiat

Dalam pengurusan kewangan yang baik juga, wasiat adalah sesuatu yang tidak dapat dikesualikan. Tidak kira samada banyak atau sedikit harta anda ia akan memberi kesan dihari muka sekaligus melindungi orang yang anda sayangi.

- Dipetik daripada: Tips Pengurusan Kewangan Terbaik  
oleh : Salina Abdullah dan Fairuz Zaidai

## ALAM SEKITAR, EKONOMI DIBERI TUMPUAN SEIMBANG



Oleh : Prof Datuk Zaini Ujang  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Teknologi Malaysia

Bajet 2008 mempunyai tiga strategi teras iaitu mempertingkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Menerusi strategi mempertingkatkan daya saing negara, Bajet 2008 antara lain mencadangkan agar dipercepatkan tempoh kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dari tiga bulan ke lima minggu. Ini bagi menggalak dan meningkatkan daya saing iklim pelaburan. Inisiatif itu wajar dialu-alukan, biarpun ada kebimbangan di kalangan pencinta dan pakar alam sekitar kerana prosedur kajian EIA memakan masa untuk dilaksanakan sebaik-baiknya.

Hal ini lebih ketara bagi projek memerlukan penilaian EIA terperinci (DEIA) dengan masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk menilai sejauh mana impak sesuatu projek terhadap alam sekitar. Masa lebih panjang diperlukan bagi kawasan yang komponen alam sekitarnya tidak dipantau secara terperinci dan berterusan oleh pihak berkuasa.

Menerusi strategi kedua untuk memperkasa pembangunan modal insan, Bajet 2008 dijangka turut meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang, termasuklah pelestarian alam sekitar. IPT dijangka terus menjalankan pelbagai program pengajian pada pelbagai peringkat dan menghasilkan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pelestarian alam sekitar.

Bajet 2008 turut memberi tumpuan Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan menerusi Dana Sains dengan peruntukan RM230 juta dan RM300 juta Dana Tekno. Selain itu, RM546 juta disediakan bagi program R&D institusi penyelidikan. Dana keseluruhan lebih RM1 bilion itu diharap dapat dimanfaatkan penyelidik dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk pengurusan, sains dan kejuruteraan alam sekitar.

Strategi ketiga Bajet 2008 ialah kesejahteraan rakyat dengan sekurang-kurangnya empat komponen berkaitan pelestarian alam sekitar. Komponen pertama ialah inisiatif mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam. Menerusi sistem cekap dan selesa maka semua pihak, terutama golongan berpendapatan rendah menjadikan pengangkutan awam pilihan perjalanan, mengurangkan kesesakan jalan raya, mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sekali gus meningkatkan produktiviti.

Bajet 2008 turut memberi fokus kepada pembangunan seimbang memastikan pembangunan seimbang memastikan pembangunan tersebar luas ke seluruh negara. Dalam hal ini, pembangunan koridor ekonomi dipergiatkan menerusi Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Dalam tempoh terdekat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur serta Koridor Sabah dan Koridor Sarawak pula akan dilancarkan. Pembangunan ini turut menekankan keseimbangan ekosistem, di samping memastikan kemudahan dan prasarana berkaitan pelestarian alam sekitar disediakan dengan lebih terancang dan sempurna, seperti sistem pembetungan, pengairan, perparitan dan pengindahan persekitaran.

Pada 2008, penstrukturan semula industri perkhidmatan air dirancang akan dilaksanakan sepenuhnya. Ini membabitkan, antara lain, pengambilalihan hutang kerajaan negeri berjumlah RM7.6 bilion oleh Pengurusan Aset Air Berhad, iaitu syarikat milik Kerajaan Persekutuan. Selain itu, aspek pembetungan juga akan disepadukan dengan aspek bekalan air menerusi mekanisme yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memang sinonim dengan komitmen memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pelestarian alam sekitar. Buat pertama kali dalam sejarah bajet tahunan, isu fenomena perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar diberi sorotan khusus dalam Bajet 2008.

Sesungguhnya, Bajet 2008 bersifat mesra alam dan rakyat, sarat dengan insentif pelestarian alam sekitar dan rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat, walaupun tanpa pemberian bonus kakitangan awam.

\* Rencana ini dipetik dan diringkaskan dari MindaLestari, terbitan akhbar Berita Harian bertarikh 12 September, 2007